

30/06/1999

PM nasihat pelajar IPT beri tumpuan kepada pelajaran

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan pelajar institusi pengajian tinggi supaya memberi tumpuan sepenuhnya kepada pelajaran dan bukan membazirkan masa dengan berdemonstrasi.

Menurut Perdana Menteri, jika berminat untuk membabitkan diri dalam politik, mereka boleh berbuat demikian selepas tamat pengajian dan mencapai kelulusan cemerlang.

"Bukan kita tak mahu pelajar tahu politik, tetapi masa dalam universiti mereka belanja duit rakyat, duit kita semua tetapi tidak belajar sedangkan janji mereka ialah untuk belajar...mereka asyik nak bagi tahu kepada kerajaan (iaitu) "kerajaan mesti memerintah mengikut pendapat kami".

"Apakah penuntut mempunyai pengetahuan mengenai pentadbiran lebih tinggi daripada orang yang sedang memerintah. Masa mereka akan tiba. Bila dah lulus daripada universiti, masuklah politik tak apa, menang esok jadi Perdana Menteri pun saya tak peduli.

"Tetapi kalau nak jadi Perdana Menteri semasa dalam unversiti, guna duit orang, tak ada tanggungjawab, buat demonstrasi, siapa yang rugi?. Kalau kita tengok yang demonstrasi itu siapa? Bumiputera semua, Melayu semua berdemonstrasi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis dialog dengan ahli Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPPM) selepas merasmikan mesyuarat agungnya di sini hari ini. Seorang peserta meminta kerajaan menambahkan kuota pengambilan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian daripada 55 peratus sekarang.

Dr Mahathir berkata, apa yang menyedihkan ialah kebanyakan penuntut yang gagal dalam peperiksaan adalah orang Melayu.

Sebab itu, katanya, jika ditambah kuota Bumiputera itu sehingga 85 atau 90 peratus sekalipun, orang bukan Bumiputera yang akan mencapai kejayaan cemerlang kerana mereka belajar.

Sementara itu, ketika menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata Malaysia mencadangkan supaya urus niaga melalui perdagangan elektronik (e-dagang) iaitu kaedah jual-beli secara pesanan menggunakan Internet, dikawal selia.

Menurutnya, masyarakat antarabangsa perlu mewujudkan satu perjanjian untuk mengawal selia urus niaga melalui e-dagang itu.

Dr Mahathir berkata, fenomena baru ini mempunyai potensi yang memberi lebih keburukan daripada kebaikan kepada Malaysia kerana tidak cukup perlindungan bagi mencegah berlakunya penipuan.

"Kerajaan masih mengkajinya dan kita belum mendapat penyelesaian. Ini cabaran baru kita," katanya.

Menurut Perdana Menteri, seperti juga urus niaga mata wang yang dilakukan oleh spekulator, perdagangan melalui e-dagang adalah perniagaan 'atas angin' seperti pesanan jual-beli barangan.

Misalnya, kata beliau, siapa yang bertanggungjawab jika berlaku kehilangan barangan yang dipesan melalui Internet itu dan kepada siapa pula tuntutan boleh dibuat sedangkan pengenalan sebenar kedua-dua pihak tidak diketahui.

(END)